

Malaysia ikut langkah Korea: PM

Oleh Tajuddin Saman

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mahamad, berkata kestabilan politik dan pekerja yang berdisiplin di negara ini menjadi elemen utama ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya, Malaysia sedang melangkah ke arah kemajuan seperti yang dicapai oleh beberapa negara lain di Asia, termasuk Korea.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis jamuan terbuka di kediaman Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, yang juga Presiden MIC, Datuk

Seri S Samy Vellu di sini, semalam.

Menjawab soalan pakar perunding pelaburan Korea di Malaysia, Kim Seh Soo, yang turut hadir bersama krew Sistem Penyiaran Korea (KBS) di majlis itu, Dr Mahathir berkata: "Kita akan mengikut langkah seperti dilakukan oleh Korea yang sudah pun maju dalam pelbagai bidang."

Menurutnya, dalam melaksanakan langkah itu, kerajaan akan menggalakan usaha untuk memberikan penjelasan dan penerangan kepada rakyat negara ini mengenai

betapa perlunya pembangunan untuk mereka.

"Saya fikir rakyat Malaysia memang mahu maju dan inginkan pembangunan. Oleh itu mereka akan memberikan kerjasama erat kepada kerajaan untuk melaksanakan pelbagai usaha bagi mencapai matlamat Wawasan 2020 itu," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu berkata, sejak tiga tahun lalu, Malaysia sudah mewujudkan banyak pembangunan, termasuk perubahan mentaliti rakyat dan dalam masa yang sama mereka terus berge-

rak ke arah Wawasan 2020.

Mengenai kestabilan politik negara, beliau berkata, Malaysia membuktikan ia sebuah negara yang cukup stabil, khususnya di Asia Tenggara.

Selain itu, masyarakat majmuk di negara ini turut menggabungkan tenaga dalam satu pasukan untuk melihat segala pembangunan yang dilaksanakan sentiasa mendapat sokongan rakyat.

Bercakap mengenai pembabitan negara di pe-

B.H 14 NOV 1993

ringkat antarabangsa, beliau berkata, Dr Mahathir kini dikenali oleh masyarakat dunia kerana sering menyarankan pelbagai cadangan bernas bagi keharmonian global.

"Kita juga bimbang mengenai apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina dan Somalia. Justeru itu, sungguhpun Malaysia negara kecil, kita melakukan sesuatu yang terbaik seperti mengirim pasukan pengaman ke negara bermasalah itu dengan tujuan membantu usaha mewujudkan keharmonian di negara itu," katanya.